

22 NOVEMBER 2017

**Berkebun jadi terapi jauhi dadah**

Rabu, 22 November 2017

Ms.25

## → INSPIRASI

# Berkebun jadi terapi jauhi dadah

⦿ Penghuni CCSC AADK Alor Gajah majukan kebun atas tanah terbiar

Oleh Fairuz Zaidan  
bhnews@bh.com.my

► Alor Gajah

**S**iapa sangka tanah rizab terbiar di belakang premis Pusat Khidmat Pulih dan Rawat (CCSC) Agenzia Antidadah Kebangsaan (AADK) Alor Gajah, di sini, boleh berubah menjadi sebuah kebun komuniti berkoncepcan 'urban farming'.

Dahulunya penuh dengan semak-semun, kini kawasan seluas setengah hektar itu dibangunkan sendiri oleh 10 penghuni (klien) CCSC Alor Gajah dengan pelbagai tanaman kontan termasuk sayur-sayuran hijau, tanaman pisang, cili

padi, terung, serai, ketang dan buah-buahan.

Malah, sebaik memasuki pintu masuk ke kebun komuniti CCSC Alor Gajah, pengunjung pasti terpegun dengan rimbulan tanaman kampung seperti daun kunyit, daun kesum, serai, daun pandan, ulam raja, pegaga dan pelbagai tanaman herba lain.

**Jana pendapatan lumayan**

Ketua Pegawai AADK Alor Gajah, Noralizah Kasmin, berkata pengalamannya sebelum ini selaku Ketua Unit Latihan dan Vokasional di Pusat Serenti Jelebu, Negeri Sembilan, secara tidak langsung membuka ruang untuk mengubah CCSC Alor Gajah dengan pelbagai aktiviti sampingan berbentuk latihan dan vokasional.

"Sebaik bertugas di CCSC Alor Gajah mulai September 2013, saya lihat ada banyak aktiviti boleh dibuat untuk klien. Melihat tanah terbiar di belakang pusat khidmat ini, saya minta klien supaya diwujudkan *kitchen garden* menerusi

tanaman daun pandan, serai, daun kunyit dan daun kesum," katanya di CCSC Alor Gajah, di sini.

Noralizah berkata, projek awal peserta CCSC Alor Gajah itu mendapat perhatian Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) yang melakukan rondaan sebelum mengerjakan supaya membuat kertas kerja kepada Yang Dipertua MPAG, Datuk Murad Husin untuk memajukan tanah terbiar.

Malah, katanya, MPAG bersama Jabatan Pertanian Melaka turut sepakat menyediakan peralatan dan peruntukan bagi menjayakan kebun komuniti itu melalui program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang terbukti berhasil menjana pendapatan lumayan.

"Di CCSC Alor Gajah, kita sentiasa menerapkan pendekatan secara sukarela. Malah, selama tiga hingga enam bulan mereka di sini, program pertanian ini antara yang diterapkan sebagai sebahagian daripada terapi minda untuk menghindarkan mereka daripada terabit nafis dadah," katanya.

[FOTO RASUL AZLI SAMAD/BH]



Noralizah memantau aktiviti berkebun penghuni CCSC Alor Gajah.

**BH PLUS**  
di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)  
untuk lebih gambar dan video